

PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN 2018

Chedet.cc

31 August 2018

Tun Dr Mahathir Mohamad

Berikut ialah teks penuh perutusan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sempena sambutan Hari Kebangsaan 2018:

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada semua rakyat Malaysia.

1. Buat ke sekian kalinya, kita menyambut Hari Kebangsaan. Secara rasminya, ia adalah Hari Kebangsaan kita kali yang ke 61 mengikut kiraan hari pengumuman kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka.
2. Banyak peristiwa yang telah dilalui oleh Persekutuan Tanah Melayu yang kemudiannya Malaysia sejak mencapai kemerdekaan dari jajahan British kepada sebuah Negara berdaulat dan bebas melakar halatujunya mengikut acuannya sendiri.
3. Mulai dari hari itu tugas yang digalas oleh Kerajaan dan juga rakyat ialah mengisi kemerdekaan tersebut.
4. Cabaran yang dihadapi bukan sedikit. Sebagai sebuah negara yang baru merdeka, semuanya terpaksa dilakukan dari awal ataupun "starting from scratch."
5. Ia bukan sesuatu yang mudah—hampir semua lapangan, pengalaman dan kepakaran dimiliki oleh pentadbir-pentadbir dan cerdik pandai penjajah dan amat sedikit dari kalangan anak bangsa yang mampu mengambil-alih sepenuhnya tanggungjawab itu.
6. Malahan sebahagian dari sistem pentadbiran dan perundangan yang ditinggalkan agak sukar untuk dilaksanakan kerana ianya direka bersesuaian dengan keperluan mereka sebagai penjajah. Penduduk tempatan tidak dapati sesuai untuk diterima sepenuhnya.
7. Namun kita boleh bersyukur jika dibanding dengan negara lain yang terpaksa hadapi keadaan yang lebih teruk kerana penjajah meninggalkan negara-negara itu dalam keadaan kucar-kacir, tanpa pentadbir yang terlatih atau perundangan yang sesuai untuk dilaksana.
8. Negara kita bernasib baik kerana kebijaksanaan kepimpinan Negara pada masa itu yang berjaya mendapatkan kemerdekaan menerusi perundingan dan bukan pemberontakan dan tumpah darah. Dengan ini bekas penjajah dapat membantu di dalam keselamatan, pentadbiran dan perancangan masa depan Negara.

9. Bantuan mereka bukanlah semata-mata kerana perasaan bertanggungjawab. Ia juga kerana keperluan kestabilan dan keamanan supaya pelaburan mereka dalam perladangan dan perlombongan terselamat.

10. Persekutuan Tanah Melayu ataupun Federation of Malaya yang menggantikan Malayan Union memang kaya dari segi hasil buminya. Kekayaan ini menyumbang banyak kepada kemajuan penjajah.

11. Dalam konteks ini, kemerdekaan yang dicapai cuma akan bermakna hanya apabila kita berjaya menghakis genggaman neokolonialisme atau penjajahan ekonomi yang mencemar kemerdekaan kita.

Dengan usaha yang gigih kita berjaya memajukan negara sehingga kita dapat tebus balik kekayaan kita. Satu daripada usaha kita ialah dengan mengadakan ' Dawn Raid' untuk membeli secara halal ladang Guthrie kita. Tetapi kita dituduh merampas atau nationalise.

12. Namun demikian kita masih sanggup menerima pelaburan asing (FDI) termasuk dari negara penjajah juga. Tetapi mereka tidak dibenar campur tangan dalam politik dan pentadbiran negara. Kemerdekaan kita tetap dipelihara.

13. Kemudian Persekutuan Tanah Melayu beralih menjadi Malaysia. Kesanggupan orang Melayu bertolak ansur tidak dapat dipertikai atau ditandingi oleh sesiapa.

14. Walaupun Malaysia mempunyai lebih banyak bangsa dan suku kaum, tetapi ianya tetap aman dan stabil dan membangun dengan pesatnya sehingga dikenali sebagai Harimau Asia. Sesungguhnya kemampuan Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang 2020 tetap ada.

15. Tetapi malangnya pertukaran pemerintahan membawa perubahan dasar dan pendekatan. Sistem demokrasi dan pentadbiran mengikut undang-undang digugur dan diganti dengan cara-cara lain. Hasilnya ialah Wawasan 2020 menjadi impian kosong.

16. Demikianlah kerosakan dan tekanan yang dirasakan oleh rakyat sehingga mereka berasa seolah-olah mencapai kemerdekaan sekali lagi apabila PRU 14 menghasilkan perubahan pemerintahan.

17. Ya, rakyat mencapai kejayaan hasil pendirian tegas mereka. Tetapi nikmat tidak datang melayang kerana kemenangan dicapai. Tindakan terhadap penjenayah juga tidak dapat dilakukan dengan serta merta.

18. Seperti kita tidak suka kepada cara-cara pentadbiran dahulu begitu juga kita tidak boleh amalkan cara yang kita benci dahulu. Pentadbiran mengikut undang-undang memerlukan masa untuk dilaksanakan. Tetapi percayalah akhirnya penjenayah akan meraih hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang telah mereka lakukan.

19. Sementara itu rakyat dan Kerajaan perlu berganding bahu untuk memulih semula negara. Tugas kita memang berat. Tetapi tidak ada kuasa yang boleh menghalang gandingan rakyat dengan pemerintah.

20. Kita sudah lihat bagaimana negara yang telah kalah dan hancur dalam peperangan dapat memulihkan negara sehingga dalam masa yang singkat dapat kembali maju kerana semangat dan usaha oleh rakyat dan pemerintah.

21. Kita juga mampu. Kita juga boleh pulih semula negara kita Malaysia.

22. Kerajaan boleh tadbir dengan baik, berjimat cermat, berdisiplin dan mengawal nafsu. Ini sedang dilakukan. Walaupun masih sedikit tetapi pencapaian dalam mengurangkan hutang sudah ternampak. Kerosakan jentera pentadbiran telah dapat dipulih semula. InsyaAllah dengan tindakan yang sedang dan akan diambil, negara akan sihat semula.

23. Tetapi rakyat juga perlu memainkan peranan. Jikalau Kerajaan tidak mampu hulur wang seperti dahulu, sebabnya ialah pembaziran seperti dahulu akan jejaskan proses pemulihan. Lagipun Kerajaan ini tidak mencuri wang rakyat untuk diberi kepada rakyat sebahagian dari hasil pencurian.

24. Cara sebegitu bukanlah cara yang terbaik. Kerajaan ini akan wujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan. Dengan cara ini pendapatan yang diperolehi lebih memuaskan. Ia adalah hasil titik peluh sendiri dan sudah tentu ia halal.

25. Untuk ini Kerajaan akan memberi pelajaran dan latihan serta juga biasiswa. Kepakaran pekerja akan ditingkatkan supaya pendapatan akan bertambah.

26. Kita akan naikan upah mengikut kemampuan. Tetapi yang perlu diingati ialah kenaikan upah tidak bermakna jika kos sara hidup naik bersama.

27. Untuk menentukan kenaikan upah menambah daya beli, produktiviti perlu ditingkatkan melalui cara pengurusan yang lebih cekap, peningkatan kecekapan pekerja, penggunaan mesin, robotik dan otomasi dan tambahan pelaburan oleh majikan. Kerajaan akan beri insentif dan hadiah kepada mereka yang berjaya meningkatkan produktiviti dengan kos yang terendah. Kenaikan harga hasil perusahaan hendaklah dikawal.

28. Tetapi sepanjang masa Kerajaan akan bantu rakyat yang benar miskin ataupun kurang upaya. Mereka akan dibantu lebih baik dari BR1M umpamanya. Memberi 500 Ringgit atau 1200 Ringgit setahun tidak mencukupi untuk hidup sempurna. Ya. BRIM akan dikurangkan beransur-ansur tetapi yang daif dan tidak bekerja ataupun tidak dapat bekerja akan dibantu secara lebih bermakna.

29. Kita rayakan Hari Kebangsaan kali ini dengan perasaan lega dan selesa. Sesungguhnya ini adalah Kemerdekaan kedua bagi kita. Kita sudah bebas daripada

belunggu pemerintahan kejam. Hidup kita lebih selesa. Kerajaan PH ini akan jamin keadilan bagi semua rakyat, tanpa mengira kaum atau bangsa atau agama.

30. Sesuai dengan pencapaian dan perasaan yang kita lalui dan kongsi bersama, tema Hari Kebangsaan tahun ini ialah "Sayangi Malaysiaku."

31. Adalah diharap agar perasaan ini kekal dihati kita semua. Saya yakin, selagi perasaan ini ada bersama kita semua, apa saja perbezaan, percanggahan dan rasa sangsi yang timbul, Malaysia akan tetap utuh dan maju.

32. Selamat Menyambut Hari Kebangsaan. Semoga harapan kita agar Malaysia terus maju, aman dan saksama akan kekal selamanya. Sayangilah Malaysiaku ini. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

— BERNAMA

25 thoughts on "PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN 2018"

1.



2. [Log in to Reply faridina](#) Sep 3, 2018 2:43 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,
KEAJAIBAN NO. 7
Beliau Perdana Menteri yang ke 7..
Tarikh lahir beliau dikecilkan 7..
Dilahirkan pada bulan 7..
Isteri juga dilahirkan pada bulan 7..
Tarikh Kemerdekaan dikecilkan 7..
Tarikh PRU 14 dikecilkan 7..
Merdeka kali ke 61 dikecilkan 7..
Sekian.

p/s : Dalam dunia Islam angka 7 pun banyak membawa erti – Surah Al-Fatihah bilangan ayatnya ada 7, tawaf dan saie dilakukan 7 kali, ada 7 petala langit dan 7 petala bumi.. Wallahualam.

3.



4. [Log in to Reply faridina](#) Sep 3, 2018 2:38 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,
KEAJAIBAN NO. 7

Beliau	Perdana	Menteri	yang	ke	7..
Tarikh	lahir	beliau	dikecilkan		7..
Tarikh	Kemerdekaan		dikecilkan		7..
Tarikh	PRU	14	dikecilkan		7..
Merdeka	kali	ke	61	dikecilkan	7..

Sekian.

p/s : Dalam dunia Islam angka 7 pun banyak membawa erti – Surah Al-Fatihah bilangan ayatnya ada 7, tawaf dan saie dilakukan 7 kali, ada 7 petala langit dan 7 petala bumi.. Wallahualam.

5.



6. [Log in to Reply](#) **milshah** Sep 2, 2018 10:06 PM

Assalamualaikum Tun,

Saya ingin memberi komen berkenaan isu "Forest City". Sebelum ini, sempena hari Kemerdekaan negara kita, saya ingin bercerita sedikit tentang sejarah negara kita.

Sebelum wujudnya Malaysia, wujudnya Malaya dan sebelum itu, Persekutuan Tanah Melayu. Pada ketika itu, rakyat Persekutuan Tanah Melayu adalah orang Melayu. Pada sekitar tahun 1800an, ekonomi negara adalah berteraskan perlombongan bijih timah dan perladangan getah. Orang melayu ketika itu, tidak berminat menceburi kedua-dua bidang ini. Maka pemerintah negara ketika itu, British, telah membawa buruh kasar dari India dan China.

Walaupun ada orang Cina dan India di Persekutuan Tanah Melayu sebelum dasar British ini, tetapi dasar British inilah yang mencetuskan "mass migration" sehingga beratus-ratus ribu orang cina dan india berpindah ke Persekutuan Tanah Melayu.

Orang India akan melibatkan diri dalam bidang perladangan. Manakala orang Cina pula dalam bidang perlombongan bijih timah. Walaupun mereka berkerja di Malaya, tetapi kesetiaan mereka adalah pada negara asal mereka, iaitu India dan China. Tidak ada niat sedikit pun untuk mereka menjadi rakyat Malaya.

Demikianlah orang Cina dan India ketika itu, bertahun-tahun lamanya tinggal di negara ini, bercucu-cicit dari satu generasi ke generasi seterusnya.

Fast forward ke tahun 1957, iaitu tahun kemerdekaan negara kita. Orang Cina dan India yang asalnya hanya mahu bekerja di Persekutuan Tanah Melayu, tetapi setelah beratus tahun menetap di sini, keturunan orang cina dan india ini pula mahukan kerakyatan. Pada asalnya hanya mahu bekerja di negara ini sebagai buruh, tetapi keturunan mereka pula mahu menjadi rakyat Malaya. British pula telah menetapkan syarat, untuk mencapai kemerdekaan, orang cina dan india juga perlu menjadi rakyat Malaya.

Orang Melayu, dengan sifat bertolak ansurnya, menerima syarat tersebut, untuk menerima orang-orang Cina dan India sebagai rakyat negara baru Malaya, dan seterusnya Malaysia, dengan syarat hak-hak istimewa orang Melayu dipertahankan dan dikekalkan, yang lebih dikenali sebagai kontrak sosial.

Tetapi mengapa saya cerita ini sempena Kemerdekaan negara kita? Sebab orang putih berkata, "Sesiapa yang tidak belajar dari sejarah, akan disumpah untuk mengulangi kesilapan sejarah tersebut".

Forest City akan membawa masuk sebanyak 700,000 orang warga asing dari pelbagai negara ke Malaysia. Kebetulan kebanyakan pembeli Forest City adalah warga negara China. 700,000 orang ini, lebih kurang 10 kali ganda penduduk Shah Alam. Mereka diberi tanah strata "freehold" atau hak milik kekal. Ini bermakna, tanah strata ini menjadi milik mereka untuk selama-lamanya selama mana mereka tidak jual.

Benar, kita hanya beri visa kepada mereka, bukannya bagi kerakyatan. Tetapi kalau 100 tahun atau lebih dari sekarang, setelah tinggal di Malaysia dari satu generasi ke generasi berikutnya, takkanlah masih nak hanya menggunakan visa sahaja? Keturunan mereka telah menetap beratus-ratus tahun di sini, tidakkah mereka akan cakap kami juga berhak jadi rakyat Malaysia?

Kita tidak belajar dari kisah dahulu, kita dengan mudah memberi warganegara asing tinggal di sini sehingga beratus ribu ramainya. Kerana apa? Kerana keuntungan, kerana cash is king.

Takpelah, kalau keturunan mereka mahukan hak kerakyatan, seperti yang pernah berlaku pada masa kemerdekaan dahulu, itu masalah generasi akan datang, betul tak? Biar tanah tergadai, janji kaya.

Pada ketika itu, generasi mendatang akan berkata, siapalah yang telah membenarkan warga asing ini masuk? Pasti mereka mengutuk generasi sekarang kerana kebodohan mereka yang tidak belajar dari kisah dahulu.

Mungkin ada yang berkata ini hanyalah spekulasi dan ramalan yang belum tentu berlaku, tetapi negara kita pernah alami situasi begini dahulu. Negara lain begitu pertahankan negara mereka, walau seinci pun mereka takkan beri kepada orang asing. Kita?

7.



8. [Log in to Reply](#) **HBT456** [Sep 2, 2018 8:08 PM](#)

Lu suka atau tarak suka gua takda masalah since i am just only a voter, faridina.

Jika angka diubahsuai mengikut citaramu, then, be prepared to face those who have different digits, betul tak?

Aiyoyo, mubarakchan, fake or geniune lee kuan yew' s policy, i am least worry.

Why?

Gua bo lui, bo power, bo political connections, bo rich & powerful papa mama, then, lebih baik i work, live and enjoy life, betul tak?

Yesterday, they were enemies.

Today, they become friends.

It looks more like changing hands at the highest level just like what they did in the past.

Ask yourself, are you comfortable in paying taxes to the ruling government that bites your fingers later?

Menurut perintah atau makan haram, itu terpulang kepada ketuanan melayu mahupun ketuanan islam versi mereka.

If pakatan harapan really believes in malaysian malaysia, the malay wannabes should tanggal baju tradisi iaitu baju melayu to show the voters that they fight for new malaysia to generate income via new taxing system for the country accorrding to parliamentary democracy, tanpa pilih kasih, berani ke?

Bak kata, when the old ones do not go off, the new ones can never come.

9.



10. [Log in to Reply Hajar](#) Sep 2, 2018 7:21 PM

Salam YAB dan DiSanjunggi PM Tun Dr. Mahathir,

1. Kita sudah merdeka selama lebih dari 61 tahun. Merdekakah minda dan pemikiran kesemua rakyat Malaysia?
2. Golongan yang taasub (taksab) membuta tuli minda mereka terperangkap dalam ketaasuban mereka terhadap orang atau apa saja yang mereka puja.
3. Saya berasa hairan bagaimana ada orang yang mengaku cerdik pandai boleh dipengaruhi minda mereka oleh pemimpin2 seperti DSAI dan DSN.

4. Yang kelakarnya, kedua-dua golongan ini menuduh satu sama lain sebagai bodoh @ tidak cerdik kerana setia (menyokong) secara membuta tuli kepada idola mereka. Yang betulnya, kedua-dua golongan pun dalam kategori tidak cerdik, tetapi sedarkah mereka?

5. Cukup2 lah memuja orang yang sudah ternyata korup samada dari segi perilaku/ moral / akhlak.

6. Katanya, akan ada PRK sebelum Oktober 2018. Sepatutnya Kerajaan PH yang mengaku bersih, tidak korup, dan tidak menyalahguna kuasa tidak akan membenarkan mana2 ahli Parlimen atau ADUN meletak jawatan sewenang-wenangnya tanpa sebab kukuh. Jika ianya melibatkan faktor kesihatan barulah dibenarkan meletak jawatan.

7. Saya cabar Kerajaan PH untuk menggubal undang2 pilihanraya yang tidak membenarkan mana2 MP / ADUN untuk meletak jawatan semata-mata kerana mahu memberi laluan kepada orang lain untuk menjadi MP / ADUN. Tolonglah jangan MEMBAZIR wang dan masa rakyat dengan perkara bodoh seperti ini (beri laluan kepada si Polan untuk jadi PM).

8. Pada pandangan saya, golongan (penyokong2 tegar) yang masih lagi setia dengan si Polan yang meroyan untuk jadi PM (walaupun sudah didapati bersalah dan dipenjara di atas kesalahan2 jenayah) ialah golongan yang minda mereka masih TIDAK MERDEKA. Sia-sialah sajalah laungan 'MERDEKA, MERDEKA, MERDEKA...' kerana ternyata mereka masih belum merdeka dari segi pemikiran. Kasihan...

Terima kasih Tun.

– Semoga Allah SWT sentiasa merahmati Tun sekeluarga –

11.



12. [Log in to Reply](#) **faridina** Sep 2, 2018 4:34 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Anakanda mohon izin serta laluan untuk berbicara dengan taukeh HBT 456. Lu jangan sakit hati sama gua sebab lu punya itu nombor $4+5+6 = 15 = 6$ tak lak 'NGAM' sama itu 7, itu pasat lu cakap "nombor itu hanya angka saja". Gua tak lak 'renovate' (ubahsuai) itu angka ma.. Gua tak lak syiok sendiri tapi gua syiok lamai-lamai sama kawan-kawan sini blog.. Gua kalau boleh mahu jadi kanak-kanak semula (being childish) tapi itu nombor bukan angka saja sebab gua sudah tua tak nampak kanak-kanak ma.. Lain2 itu aimless ke, directionless ke, hopeless ke.. berapa banyak less da.. gua talak understand less!! Gua harap lu boleh kautim sama gua ya kawan sebab gua mahu 'renovate' itu lu punya

nama HBT 456 jadi HBT 4444 baru dapat total 16 = 7.
Happy Baru Tahun merdeka my friend HBT.

13.



14. [Log in to Reply Fender](#) Sep 2, 2018 3:49 PM

Another celebration of Merdeka. After 61 years, the country has moved on with many billionaires, rich middle class and the neglected lower income groups. We get another chance to do it better this time. The fundamentals must be right and we cannot do the same thing and expect different results by singing a different tune. Substance is more important than form.

15.



16. [Log in to Reply mubarakchan](#) Sep 2, 2018 2:36 PM

Tun

It is refreshing when someone has views different from ours on Sovereignty, National Interest and Dignity. But when someone like HBT456 who only ATTACKS A MALAYSIAN CHINESE AND DARE NOT ATTACKS THE OTHER COMMENTATORS, THEN THIS DIGIT IS A CHINESE-LOOKING COWARD FOR HIDING BEHIND A PSEUDONYM.

Since this digit seems to have a great love for his HERO LEE KUAN YEW, here is the bare facts about his hero.

1. Lee Kuan Yew first entered LSE in 1946 which did not fit his ego. He inveigled himself into the bottom-most non-college (meaning a loop-hole for those from the English upper-class but did not qualify to enter a proper College with medieval origins) He did not take the Open Entrance Examination. He did not have Latin or Greek. He was over-aged 23 years which the Cambridge University DO NOT CONSIDER. He cheated to enter Cambridge University. He gained his Double First in Law in a small class of war weary veterans after he had tuition in Law for 3 1/2 years from the unemployed British trained Lawyers in Japanese Occupied Singapore whilst his contemporaries were shell-shocked as soldiers in a terrible war of attrition. This is the fact. A normal law class has a complement of 250. His was probably 50. At the important professional Bar Finals London examinations he was placed last. His wife was placed 3rd out of 200. Later, my wife was placed 7 out of 700. Take not HBT456, the cowardly digit who only attacks Malaysian Chinese.

FROM THIS POINT ONWARDS ALL OF LEE KUAN YEW'S MAJOR POLICIES FOR SINGAPORE WERE DOWNWARDS TO ROCK BOTTOM. Even the National Day Parade looked funny in a one horse and one street town because he screwed down the

indigenous population with his 2 Child Family of 1972 to only 900,000 male Chinese aged 21-50 today. Vide. Singapore Government White Paper on Population. 2011.

2. Here is the factual list of Lee Kuan Yew's Public Policies which brought Singapore down to its knees today because of its reliance on FTs and the total loss of its former cruel under-counter trade in ARMS and other forbidden trades during the Cold War 1948-1989. WHICH MADE SINGAPORE VERY RICH. THIS WAS LEE KUAN YEW'S MIRACLE, NOT THE GLITTERING BUILDINGS, NOT LEE KUAN YEW.

This wealth was the OPIUM which distracted Lee Kuan Yew from facing the REAL CHALLENGES WHICH AFFECTED SINGAPORE AFTER THE COLD WAR. She is now left on her own. Like a beggar, Singapore keeps on trying to REVIVE THE MALAYSIA KILLER TPPA/CPTPP, THE VERY LAST STRAW FOR HER FUTURE SURVIVAL and also the China backed Trade Agreement.

And more facts.

i) Lee Kuan Yew created the Anti-Cambridge Godless Neo-Communist Political Socio-economic System imposed on the citizens WITHOUT THEIR KNOWLEDGE supported by meritocrats (apparatchiks) and the West DURING THE COLD WAR 1948-1989). Its future is uncertain because the Americans forget easily. The British try not to forget. The French never forget. The Chinese never never never forget. The Malaysians forgive and forget. Hence, our good and famous Tun had some distinguished visitors recently ?

ii) The GLCs are COMMUNISTIC, no doubt about it. GLC was coined by Lee Kuan Yew after the monopolistic businesses like DBS, SIA, NOL, Sembawang, Keppel etc became profitable in the 1980s. The original Singapore Government Policy was to encourage businessmen to establish industrial undertakings in the Jurong Industrial Park. All these failed. The Singapore Government had to step in to fill in the employment void by the early 1970s. When Communism imploded in the 1980s, Russia and China adopted the GLCs of Lee Kuan Yew. Later, they found CORRUPTION AND NEPOTISM rampant in the GLCs their vast lands. Only in tiny Singapore and closely monitored by Lee Kuan Yew could the GLCs be controlled. Hence, there were clampdowns on CORRUPTION AND NEPOTISM by Russia and China.

Only 4 countries in the World today have GLCs, Singapore, Russia, China and MALAYSIA WHICH RULING BN ELITE ADOPTED THE GLCS TO MAKE MONEY FOR THEMSELVES AS IS NOW REVEALED AND PROVEN WITHOUT ANY DOUBT. No Western or Eastern Democracy does business to make money for the people because of CORRUPTION AND NEPOTISM AS CRUELY SHOWN IN MALAYSIA'S EXAMPLE.

iii) Lee Kuan Yew's 4 Initiatives to save Singapore as his LEGACY FAILED BIG TIME eg. The ill-conceived Temasek. The 2 casinos. The FT importation to boost the GDP – could not breach 3% for 16 years beginning 2002. The Malaysia Killer TPPA/CPTPP. He forgot the World had changed because of Globalization, Free Trade and Human Rights.

iv) The fables and foibles of Lee Kuan Yew's 47 Failed Public Policies are in <http://www.chedet.cc.org>. Archives. September 2010. Malaysia according to Lee Kuan Yew. I am not concerned with the personal affairs of others.

v) Our beloved Malaysia faced a long list of the cunning, clever and cruel initiatives by Lee Kuan Yew to do down our beloved Malaysia but we never RETALIATED.

vi) MAN PROPOSES. GOD DISPOSES. OVERNIGHT FROM 9 MAY 2018, OUR BELOVED MALAYSIA BECAME ONE OF THE 4 MOST IMPORTANT SMALL COUNTRIES OF THE WORLD BEING BRITAIN, SWITZERLAND, JAPAN AND MALAYSIA.

viii) UNDER THE LEADERSHIP OF OUR GOOD TUN DR MAHATHIR MOHAMAD, AND HIS NEW AND INCORRUPTIBLE GOVERNMENT OF THE OLD AND THE YOUNG, THE GOOD AND THE GREAT, OUR BELOVED MALAYSIA IS FAST TREKKING UPWARDS TOWARDS THE LIKES OF VISIONARY SWITZERLAND, DEMOCRATIC INDIA, GOOD GOVERNANCE JAPAN.

ix) Jealous of our beloved Malaysia's success, HBT456 who only looks like a Chinaman. LEE KUAN YEW FAILED BECAUSE HE WAS LIKE YOU HBT456, an empty shell of a Chinaman. He did not know the 36th Step in ancient folk-lore like you. Lee Kuan Yew was a FAKE.

x) I only present FACTS not lies like you HBT456.

Malaysia Boleh Tun !

17.



18. [Log in to Reply](#) **faridina** Sep 2, 2018 1:02 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

ANGKA 7 PENUH BERMAKNA

Sudah dapat nombor yang dikecilkan untuk tarikh lahir ayahanda Tun pada 10/07/1925?
 $1+0+0+7+1+9+2+5 = 25 \rightarrow 2+5 = 7$

Merdeka dari British 31/08/1957;
 $3+1+0+8+1+9+5+7 = 34 \rightarrow 3+4 = 7$

Merdeka dari Najib 09/05/2018;
 $0+9+0+5+2+0+1+8 = 25 \rightarrow 2+5 = 7$

Merdeka yang ke 61 $\rightarrow 6+1 = 7$

Merdeka!
Merdeka!
Merdeka!
Merdeka!
Merdeka!
Merdeka!
Merdeka!

Wallahualam.

p/s : Pesanan untuk Panglima Boogie kalau ada membaca blog keramat ini mesti cuba-cuba nak kecilkan tarikh lahir kan tapi jangan haraplah bro.. awak punya nanti semak dengan tarikh kena 'check-in' di Hotel Sg. Buloh ya!

19.



20. [Log in to Reply](#) **HBT456** Sep 2, 2018 12:29 PM

<https://www.malaysiakini.com/news/441313>

Lelaki amanah pakai baju melayu when make official political statements in which they are no difference from umno nor pkr with pas support behind the back in peninsula.

For these so-called perjuang melayu and agama islam in playing the demo card of mamak, dont you think they have not changed at all and still stuck in denials after so much evidences of power abuse being caught by macc and media since 1998 in the name of nasionalism?

Yup, south china sea has lots of undrill oil, but the surrounding provinces of china and countries might not allow drilling of oil here to protect their fishery industries in the name of sovereign wealth of each countries.

Yup, climate warming too had caused the melting of thick ice layer that would make oil rich in north pole another source of feasible oil drilling there.

But, whether they like it or not, fossil fuel would be gradually be replaced in 2 to 3 decades, and the cost of operation in drilling oil would be very expensive due to decline of dependent on fossil fuel in the future, and this is the major consideration that would prevent major oil and gas industry players to bet on this move.

The total popupation of malaya, borneo and north borneo is less than 30 millions, but the real local and external threats facing this country is we have too many political parties being set up just to win votes, bukan untuk bikin negara mahupun ekonomi.

Now amanah said sst no good?

Maverick, flip then flop kerana takut hilang undi?

21.



22. [Log in to Reply](#) **HBT456** [Sep 2, 2018 11:03 AM](#)

Nombor itu hanya angka saja.

Jika angka boleh diubahsuai secara syiok sendiri, dont you think they are being childish, aimless, take things for granted, directionless and hopeless?

I do not support pakatan harapan's tabung harapan because deep in my heart i know there is no way for the current, or future ruling political parties to bet on another unilateral's rescue or bailout plans based on who they know, not what they know.

They too had no choice but be more opened in attracting fdi via bilateral or multi- lateral trades.

Is china a threat?

The greatest enemy is none other than themselves.

When serious mistakes made, political denials are trademark of boleh land.

For those who are still stucked in the past, they would be replaced gradually.

What will happen, it will happen.

What will not happen, it will not happen.

23.



24. [Log in to Reply](#) **HBT456** [Sep 2, 2018 10:29 AM](#)

Lingerie products in which mubarakchan meant were the branded ones in the world class shopping malls, not those in mydin or giant?

When he keeps making noises of communistic glc makes wonder me wonder on whether he is confused with gandhirism vs communism?

What to do, this is boleh land, apa2 pun boleh, janji menang, tak gitu?

I guess he must be still stucked in the 80s and 90s due to hatred, anger or vengence within his political influences kut.

The more racism and religion cards are being played by them, the weaker they will be.

Why?

Because they really believe they are the full god, or semi god in disposing anything man proposes as if social media is not born yet just because they think malaysia is in them, they are in malaysia?

To be or not to be, that is not the question.

Able or not, we will see how far kita semua can go.

Whether he likes it or not, general election must be called in the next 5 years.

25.



26. [Log in to Reply](#) **mubarakchan** Sep 1, 2018 12:24 PM

Tun

My humble apologies. A small typo error to my list of shameful scandals.

16. A nobody could extract 1,000,000 barrels of oil from the hard as nails Saddam Hussein and ended up at the top of the UN Sanctions list.
17. The Communistic GLCs, the ATM for those in control of the Rakyat's assets and money and were not Civil Servants or Shareholders had a gala time feasting on the Wealth of the Rakyat from 2004 to 2018 by proclaiming they looked after the Malays' interests and made money for them. The truth is they made money for themselves through golf, first class travel and restaurants, foreign schools for their children, palm oil sludge, factories wastes, fancy cars and salaries ranging from RM 5 Million to RM 100 Million a year BEFORE BONUSSES. They created FAKE CORPORATE SCHEMES TO ENRICH THEMSELVES LIKE THE SIME DARBY TAKEOVER OF ALL THE GLC PLANTATIONS FOR NO GOOD REASON or THE CIMB TAKEOVER OF BAN HIN LEE BANK. And within 3 years, the consolidated plantations were deconsolidated for the sole benefit of those in control They can do anything they liked with the Rakyat's assets and money. They became so very rich that they quickly let go before anyone noticed,
18. But later events have shown the monumental losses incurred by them like the IHH absurd investments in private hospitals in the WORST POSSIBLE MEDICAL CARE INVESTMNETS IN THE WORLD, TURKEY, INDIA AND CHINA. Turkey and India like Argentina face steep devaluation of their currencies which the World knew for years would happen. Yet the Singaporean doctor with a RM 100 Million per year basic salary still plunges into India with a RM 2.4 Billion investment of the Rakyat's money (not his) to bail out the Indian brothers who took Khazanah for a ride just a few years ago in Singapore. What sort of business acumen is this at a time like this when there is a

Fikir-fikirkanlah apa yang ada disebalik nombor yang telah ditunjukkan Yang Maha Pencipta.

Memerdekakan rakyat dari kerakusan manusia bernama Najib Razak.

Salam Merdeka semua.

Wallahu'alam.

p/s : Cuba anda tekan kalkulator tarikh lahir ayahanda Tun pada 10/7/1925 jika dikecilkan menjadi berapa agaknya? Nanti bila dapat jawapan berilah tahu..

Oops tarikh lahir DSAI 10/8/1947 kalau dikecilkan tak akan dapat 7 minta maaf ya..

Sahlah sudah ayahanda Tun penyelamat rakyat Malaysia!

29.



30. [Log in to Reply](#) **mubarakchan** Sep 1, 2018 11:04 AM

Tun

To-day, 1st September, is an infamous day in World History. A date which was exploited by Adolf Hitler by creating a fake border incident between Poland and Germany's Prussia. With this excuse, he launched a Blitzkrieg towards Warsaw. The rest is history which led to our Merdeka on 31 August 1957. Those of us who had gone through the vicissitudes of World War 2 would never treat Life and its values lightly. Fortunately, the Tunku's generation right down to your generation Tun were steeled by the events which followed AND BECOME REAL LEADERS OF MEN AND WOMEN AND NOT FAKES AS LATTER DAY EVENTS HAVE SHOWN. Our beloved Malaysia should forever be grateful for your Leadership and those of your distinguished predecessors like the Tunku, the Great Statesmen Tun Abdul Razak and Tun Huseein Onn.

But Life has its ups and downs. And Malaysia was caught in a down period after your retirement of October 2003. Thereafter, the Nation was pulled down in shame by the following events on this list beginning 2004 to 2018 in a country in which thieves of huge amounts of public money have avoided jail.

1. As soon as you retired, the BN Government rushed off with a aged Cambridge professor in tow to sue for the ownership of Pulau Batu Puteh. Of course, Malaysia lost big time as it was a sandiwara for two or it takes two to tango. To make it hurt more, the Singapore elites published a book to show how stupid the Malaysian Government was. Some one does not understand Sovereignty, National Interest and Dignity.
2. The 4th Floor Boys held sway until Man proposes. God disposes. A stone felled on the

head of its think tank.

3. The Khazanah was as wide open as The Avenue which led to it for the famished Singaporean boys to pluck at the low hanging fruits. The best were taken without value.⁵³ A nobody could extract 1,000,000 million barrels of oil from hard as nails

Saddam Hussein and ended up at the top of the UN Sanctions list.

4. A burnt-out hard-core PAP cadre was appointed the Chief Editor of the wholly owned UMNO NSTP. He was rewarded a lush Sime Darby Apache contract to make him feel comfortable in the hot and humid Ulu.

5. A convicted felon from the Omega Securities RM 1.1 Billion cheating scandal was not jailed, paid RM 4 Million fine and laughed all the way to Vancouver to build the RM 1.1 Billion Trump Tower.

6. A novice was sponsored to drive in the F1 races. He could not make the grade. He gave it up himself without further embarrassment.

7. Sime Darby sponsored 9 years of ocean racing in New Zealand, the home of its former Finance Director.

8. Trengannu was not only the origin of the infamous 1MDB but was part of the European minor socialite crowd in sailing fraternity.

9. A young boy, aged 27, had the influence over the Rakyat's RM 42 Billion without approval by the Cabinet and the Dewan Rakyat.

10. RM 113 Million cash, over 500 hand-bags, over 400 watches etc were recorded by the PDRM in the house of a BN official.

11. RM 19 Billion GST money was alleged to be missing from the Ministry of Finance.

12. RM 14.5 Billion of LHDN SST refunds missing. It was alleged that this sum was treated as Revenue. If it is as alleged then someone had FIDDLED THE BOOKS OF THE TREASURY LIKE SHOPKEEPER, ALI, AH KOW OR SAMY DOWN THE STREET. A First in the World ?

13. A small BN minister confirmed to have RM 2.08 Billion. How much a BIG BN MINISTER GOT ? This is the logical question. Please note his mum was toggged up with RM 10,000 worth of LVMH accessories in The Star pic.

14. Malaysia's very own beautiful spymaster 004 Cik Bon, the Head of MEOW, licenced to soot to kill with her pearl handle golden Walther PPK was dressed in MACC orange after it was alleged she had sticky fingers with her BOSS'S cash. One wonders whether she planted her spies in the Istana of the President of the Republic of Singapore as butlers and maids ? TO SAVE MONEY ALL SPIES SHOULD BE SACKED, we should not waste time and money poking into the sexual peccadilloes of others like LEE KUAN YEW. Vide Wikileaks.

15. It was alleged the ATM of the Ministry of Tourism, the Tourism Board (remember the first gent who was sacked in the mid-1980s) concluded a RM 88 Million contract with a Chinese firm in just 8 hours, a World record of sorts concerning a Government Agency. Within this context, ALL OVEASEAS OFFICES OF THE TOURISM BOARD SHOULD BE CLOSED DOWN. It's a waste of time and money. LET THE TRAVEL AGENTS DO THE JOB FOR PROFITS DUE TO THEM.

CATCH THE CULPRITS. CHARGE THEM IN COURT.

MALAYSIA
15.

BOLEH

TUN

!

31.



32. [Log in to Reply](#) **faridina** Sep 1, 2018 11:04 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

ERTI MERDEKA TAHUN INI.....
.....YANG KE 61.....

Merdeka tahun ini sungguh bererti.

Tanggal 31/8/1957 negara kita bebas dari belenggu penjajahan Inggeris.

Tarikh 9/5/2018 negara kita bebas dari belenggu penjajahan Sang Kleptokrat berpendidikan Inggeris.

Mari kita teliti angka-angka keramat ini untuk mengesahkan kehebatan nombor yang memberi pengertian yang sama.

31/8/1957 – lihat apa yang terjadi jika semua angka ini dicampurkan dan dikecilkan ;
 $3+1+8+1+9+5+7 = 34 \rightarrow 3+4 = 7$

Seterusnya lihat tarikh 9/5/2018 ;
 $9+5+2+0+1+8 = 25 \rightarrow 2+5 = 7$

Nah kedua-dua tarikh ini dikecilkan menjadi 7 satu kebetulan atau tidak?

Lebih bermakna erti Merdeka kali yang ke 61 ini bila dikecilkan menjadi;
 $6 + 1 = 7$ satu, dua, tiga kebetulan?

Fikir-fikirkanlah apa yang ada disebalik nombor yang telah ditunjukkan Yang Maha Pencipta.

Memerdekakan rakyat dari kerakusan manusia bernama Najib Razak.

Salam Merdeka semua.

Wallahu'alam.

p/s : Cuba anda tekan kalkulator tarikh lahir ayahanda Tun pada 10/7/1925 jika dikecilkan menjadi berapa agaknya? Nanti bila dapat jawapan berilah tahu..

33.



34. [Log in to Reply stripe](#) Sep 1, 2018 12:36 AM

Salam Sejahtera YAB Tun Dr Mahathir.
Terima kasih kerana mendapatkan Kemerdekaan Malaysia semula.
Kami rakyat sungguh berbangga dengan kelurohan YAB Tun.
Sekian.

35.



36. [Log in to Reply Sri Sense](#) Aug 31, 2018 11:43 PM

Good evening YAB Tun

Sempat tonton seketika wajah Tun disisi Agong pagi tadi. Wajah Tun Siti pun gembira.

I tak tonton lama, so kalau I nampak macam Hajar cakap tu, I juga turut meluat.

Hubby pernah kata sebelum ini, macam PKR nak memperkenalkan Tun. Itu penilaian hubby bila baca komen ketua2 PKR yang keluar kat media massa. Tun kata gini, dia orang pi jawab gitu, sepatutnya bagi PM aje bercakap, or tanya PM dulu sebelum bercakap kat public.

Kalau nak compare dengan BN jauh sekali bezanya. BN lebih setia kawan. DAP, PKR atau Amanah seperti nak makan kawan. Well, itu pandangan peribadi I, terpulanglah pada Tun nak menilai buruk baiknya.

Walau apa pun I tetap bangga Tun Mahathir, PM kami. Biar apa mereka nak kata, tanpa Tun Mahathir I also tak vote PH.

That's all for tonight. Good night Tun.

37.



38. [Log in to Reply mubarakchan](#) Aug 31, 2018 7:30 PM

Tun

The finest day in our beloved Malaysia's history.

61 years after our Merdeka with a New and Incorruptible Government of the old and the young the good and the great in place. A full panoply of the country's elite in attendance, the Yang Di Pertuan Agong and all. The Rakyat was happy and relaxed. A

good sign of the times but their pockets hollowed out by the Uncaring and Corrupt BN Government.

Catch the culprits. Charge them in Court.

Finally, Putrajaya as created by your vision takes on its full meaning and usefulness by being fleshed out with important National events like this stupendous show of all what our beloved Malaysia really means. Despite your Policy, a huge building appeared next to Bank Negara Malaysia after your retirement in October 2003. Corruption knows no bounds during 2004-2018. The Rakyat's money was like confetti. .

The fantastic success of the Will of the Rakyat and the caring Governments which came after 1957 except for the most shameful and corrupt period of our short history which was after you retired in 2003 to 2018 when Greed, Weakness of the Flesh and the Soft under-belly, took complete hold of the whole gaggle of the ruling elite whom we elected and trusted. For our innocence, the Rakyat paid the price.

FORTUNATELY, THE GOODNESS AND THE GREATNESS OF US MALAYSIANS ARE NOT GIVEN TO THESE SINS OF THESE COMMON BN RULING CLIQUE.

We all believe in our MALAYSIAN DREAM WHICH WILL BE FORTHCOMING WITH THE NEW AND INCORRUPTIBLE GOVERNMENT – a job, a family, a house, a car, education for our children and an easy Lifestyle in peace and harmony.

Our beloved Malaysia was nearly enslaved as a SLAVE COLONY OF TINY SINGAPORE BY HER OWN HAND THROUGH THE DEVICES OF LEE KUAN YEW THROUGH HIS CREATION, TPPA/CPTPP if the Uncaring and Corrupt BN had won on 9 May 2018. And China would have become a formidable creditor as well. In other words, our beloved Malaysia would have been sold lock, stock and barrel for GREED, WEAKNESS OF THE FLESH AND THE SOFT UNDER-BELLY of the BN elites. Facts discovered after 9 May 2018 confirmed these.

Despite the temporary difficulty in financial logistics and decades of surreptitious harassments by Lee Kuan Yew ending with the TPPA?CPIPP and the HSR to do us down, Malaysia through your seasoned and wise leadership without any doubt will trek only upwards towards the likes of Visionary Switzerland, Democratic India and Good Governance Japan where we rightfully belong. With our NORMAL THINKING AND BEHAVIOUR WE WILL BE THERE.

And without much ado, our beloved Malaysia overnight on 10 May 2018 became without any effort, ONE OF THE FOUR MOST IMPORTANT SMALL COUNTRIES OF THE WORLD. Where are you singapore ?

MAN PROPOSES. GOD DISPOSES, TUN !

MALAYSIA BOLEH !

39.



40. [Log in to Reply](#) **adelheid** Aug 31, 2018 4:38 PM

Dear Tun,

Selamat Hari Kebangsaan/Kemerdekaan Malaysia yang ke 61 Tun.

Semoga ini titik permulaan ke arah negara dan rakyat yang merdeka dalam erti yang sebenarnya. Merdeka daripada cengkaman penjajah luar (British) dan penjajah dalam (kleptokrat), serta dapat menikmati demokrasi yang sebenar tanpa topeng pemerintah penghisap darah rakyat.

Perjalanan kita masih jauh lagi Tun. Rakyat Malaysia berbagai etnik budaya agama masih dalam proses mempelajari menerima satu sama lain tanpa syarat (unconditional) seperti mencintai diri sendiri. Bukan setakat di bibir sahaja. Mungkin sehingga ini dapat dicapai barulah Tuhan akan merahmati kita semua dengan aman damai.

Take good care dear Tun Dr. Mahathir. A happy and blessed 61st Merdeka Day!

41.



42. [Log in to Reply](#) **cek** Aug 31, 2018 12:54 PM

Assalaamualaikum Tun serta Tun Siti. Semoga sentiasa sihat2 dan diberkati Allah.. Alhamdulillah saya dan keluarga sempat menyaksikan perbarisan hari kebangsaan tahun ini yg merupakan kali pertama secara live... Thanks Tun and team for making rakyat happy and hopeful...

43.



44. [Log in to Reply](#) **Gen M** Aug 31, 2018 12:19 PM

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

Gen M

#SayangiMalysiaku
#GerakaneMalaysia
#InsiatifeMalaysia
#eMalaysiaBlueprint

45.

46.  [Log in to Reply Hajar](#) Aug 31, 2018 11:16 AM

Salam YAB dan DiSanjungi PM Tun Dr. Mahathir,

"SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN (KEBANGSAAN) MALAYSIA YANG KE-61 KEPADA SEMUA RAKYAT MALAYSIA"

Semoga Negara Malaysia dan Rakyatnya sentiasa mendapat limpahan rahmat dari Allah SWT.

Mohon izin Tun untuk ulas sikit tentang beberapa isu:

1. Sejak bila pula TPM sama taraf dengan PM untuk beri perutusan Hari Kebangsaan?
2. Sejak bila pula TPM turut diberi laungan hebat semasa mahu berangkat pulang selepas sambutan Hari Kebangsaan? Agak janggal rasanya sebab ternampak seolah-olah TPM pula yang berlagak "terlebih sudu dari kuah". Alahai...
3. Saya IMPIKAN Malaysia yang BEBAS DARI PEMIMPIN2 YANG BERMORAL RENDAH (termasuk para penyokong tegar pemimpin2 sedemikian...tetapi tidak sedar akan hakikat tersebut; dalam penafian).
4. Saya boleh terima jika seorang pemimpin dipenjarakan kerana menegakkan kebenaran (membela rakyat). Tetapi jika seorang pemimpin dipenjarakan kerana masalah jenayah peribadi (jenayah seksual luar tabii; dan masih tidak bertaubat) terhadap individu2 lain (juga kerana korupsi), maka orang sebegini tidak layak menjadi pemimpin negara, terutamanya sebuah negara Islam seperti Malaysia. Mohon Allah SWT melindungi Malaysiaku tercinta dari bala dan malapetaka akibat dari aktiviti2 haram yang disokong oleh segelintir rakyat.
5. Lagu tema Hari Kebangsaan pada tahun ini agak hambar, dan tiada mesej jelas yang boleh diketengahkan. Rentaknya pula entah apa2. Tidak patriotik! Cepat jemu bila mendengarnya. Maaf cakap...

Terima kasih Tun.

– Semoga Allah SWT sentiasa merahmati Tun sekeluarga –

47.

48.  [Log in to Reply Aisyah](#) Aug 31, 2018 8:32 AM

Selamat menyambut Hari Merdeka, Tun.

49.



50. [Log in to Reply](#) **Rahman JPC** [Aug 31, 2018 7:17 AM](#)

saya tlg cadangkan slogan 'malaysia pulih' (malaysia recovers) bagi merayakan hari kemerdekaan versi kedua ini.

semua rakyat 'bangsa malaysia' wajib mempertahankan kedaulatan Nya sebagai 'harga mati' (non negotiable).

Merdeka!!! Dirgahayu tanah air ku.

© 2018 Chedet — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2880>